

# Kurikulum bersama baru bagi pelajar kejuruteraan, reka bentuk dan persekitaran NUS

PELAJAR kejuruteraan serta reka bentuk dan persekitaran di Universiti Nasional Singapura (NUS) akan mempelajari tentang bangunan mesra alam sifar karbon, atau *net-zero*, dan juga kereta elektrik, sebagai sebahagian daripada satu kurikulum bersama baru yang diperkenalkan mulai tahun ini.

Mereka juga wajib mengikuti modul baru yang membantu mereka berkomunikasi, contohnya apabila perlu bekerjasama dengan pasukan untuk memasarkan teknologi mereka.

Sekitar 1,800 mahasiswa baru yang menyertai Sekolah Reka Bentuk dan Persekitaran serta fakulti kejuruteraan mulai Ogos ini perlu menjalani tujuh modul rentas disiplin teras.

Menurut NUS, dua jurusan itu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang boleh digabung di tempat kerja.

Antaranya, dua modul baru diperkenalkan, iaitu Masa Depan Mampan dan Mencipta Naratif, sementara modul lain merangkumi topik seperti kecerdasan buatan (AI), pengurusan projek dan pemikiran reka bentuk.

Beberapa modul itu hanya ditawarkan di salah satu daripada fakulti tersebut sebelum ini, tetapi akan ditawarkan kepada pelajar dari kedua fakulti dalam tempoh akademik baru.

Pelajar juga akan menjalani projek rentas disiplin yang mempunyai nilai sama seperti dua modul. Ini akan memberi mereka peluang mengambil kursus lain tanpa perlu melanjutkan tempoh pembelajaran mereka.

Sementara itu, sekitar 7,000

mahasiswa baru NUS perlu menyertai projek masyarakat dan akan diberi markah berdasarkan penyertaan mereka.

Ini dilakukan dibawah modul Masyarakat dan Pendekatan, dan pelajar boleh memilih beberapa projek berkaitan dengan topik yang mereka minati, contohnya perubahan iklim atau akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Inisiatif terbaru ini diumumkan menyusuli pelancaran Kolej Kemusiaan dan Sains baru NUS Disember.

Pelajar berdaftar di bawah kolej baru itu, yang menggabungkan jurusan sastera dan sains kemasyarakatan dan fakulti sains, perlu mengambil 13 modul umum dalam bidang merangkumi pelbagai jurusan, seperti pemikiran reka bentuk dan penyelidikan saintifik.

Semasa memberi taklimat media semalam, provos NUS, Profesor Ho Teck Hua, berkata: "Disiplin kejuruteraan, reka bentuk dan persekitaran akan bertemu (dalam beberapa bidang). Kami bekerja keras untuk memastikan kedua sekolah dapat mencipta modul relevan untuk masa depan.

"Dalam beberapa cara, pengalaman pendidikan mereka berbeza berbanding lulusan tahun-tahun sebelumnya.

"Mereka akan belajar daripada kedua pihak, (supaya) kepakaran diperluas dan dipelbagai."

Beliau menambah bahawa NUS sedang mengkaji kemungkinan membentuk kolej bersama untuk kedua sekolah tersebut, sebagaimana Kolej Kemusiaan dan Sains dibentuk.